Majlis Perbandaran Klang lwn Rubplast Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — GUAMAN SIVIL NO MT1-21-107 TAHUN 2005
SURIYADI H
26 APRIL 2006

Acara Sivil — Injunksi — Permohonan inter parte — Operasi kilang defendan mendatangkan masalah pencemaran kepada penduduk setempat — Lesen perniagaan tidak memperbaharui - Kilang beroperasi secara haram — Pelbagai usaha menghentikan operasi haram gagal — Faktor-faktor yang dipertimbangkan untuk pemberian perintah injunksi — Akta Relif Spesifik 1950 (Rev 1974), ss 50 & 51

Undang-Undang Alam Sekitar — Operasi syarikat — Gangguan bau busuk, asap dan bunyi bising — Masalah kepada penduduk sekitar — Syarikat diminta berpindah ke lokasi lain — Lesen syarikat tidak memperbaharui — Kilang masih beroperasi — Pemohonan menghalang defendan meneruskan operasi di kilangnya

Plaintif memohon kepada mahkamah ini suatu perintah injunksi untuk menyekat dan/atau melarang defendan daripada menjalankan kegiatan operasi, pengeluaran, memproses, penghasilan atau dalam apa bentuk sekalipun di premis kilang defendan di Klang, Selangor. Syarikat defendan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 beroperasi menjalankan perniagaan mengeluarkan 'reclaimed rubber' antara lain memproses tayar-tayar terpakai, bahan-bahan buangan getah dan sarung tangan getah. Kilang tersebut telah mendatangkan masalah kepada penduduk sekitar seperti gangguan bau busuk, asap dan bunyi bising. Plaintif menyatakan bahawa bermula 1 Januari 2005 lesen perniagaan defendan tidak diperbaharui. Walaupun demikian, plaintif mendapati kilang defendan masih lagi beroperasi dan ianya secara haram dan ini turut diakui oleh defendan sendiri. Sehingga pemfailan writ saman dan pernyataan tuntutan ini di Mahkamah Tinggi pada 5 Julai 2005, defendan masih lagi menjalankan operasi di kilang mereka yang terus mendatangkan masalah pencemaran kepada penduduk sekitar sehingga ianya dilaporkan di dalam akhbar tempatan. Rentetan dari itu, plaintif telah mendapatkan arahan tindakan lanjut dari pejabat setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Lantaran itu, plaintif memohon suatu perintah injunksi agar defendan dihalang meneruskan operasi di kilangnya.

Diputuskan permohonan plaintif dibenarkan dengan kos:

(1) Walaupun lesen perniagaan defendan telah dibatalkan sejak awal 2005, namun sehingga kini defendan masih menjalankan operasi kilang mereka dan ianya secara haram. Ini jelas menunjukkan sikap angkuh defendan yang melanggar undang-undang tanpa perasaan takut dan hormat terhadap perundangan Malaysia. Plaintif mengakui telah menjalankan pelbagai usaha untuk menghentikan operasi haram defendan tetapi gagal (see para 8).

(2) Sikap defendan yang tidak mempedulikan undang-undang dan peraturan dengan terus beroperasi di kilangnya haruslah dibendung dan dihalang sebagai satu mesej dan peringatan bahawa undang-undang negara ini haruslah dipatuhi. Di dalam kes ini, mahkamah berpendapat bahawa injunksi ini adalah perlu memandangkan kedegilan defendan mematuhi undang-undang dan peraturan sedia ada (see para 14).

(3) Dalam saya untuk menimbangkan alasan untuk memberi perintah injunksi dan setelah berpandukan imbangan kesesuaian di dalam kes ini, saya lebih menitik beratkan faktor kepentingan awam dan patut diutamakan di dalam permohonan ini. Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa jika terdapat risiko atau kemudaratan terhadap kepentingan awam, maka perintah injunksi perlu dipertimbangkan secara positif (see para 17).

(4) Perintah injunksi untuk menghalang defendan daripada meneruskan operasi di kilangnya amatlah perlu memandangkan operasi kilang defendan mendatangkan pencemaran udara dan mengeluarkan bau busuk yang menjejaskan persekitaran penduduk setempat sehingga ianya telah beberapa kali disiarkan di dalam akhbar tempatan (see para 19).

(5) Jika injunksi tidak dibenarkan, keselamatan dan kepentingan penduduk setempat tidak terjamin dan terus diganggu dengan pencemaran yang datang dari operasi kilang defendan. Berpastikan prinsip keadilan dan imbangan kesesuaian, status quo penduduk setempat harus dikekalkan dan dititik beratkan seperti mana tidak berlakunya pencemaran bau dan bunyi bising di kawasan terbabit (see para 21).

[English summary

Plaintiff applied to this court for an injunction order to stop and/or prevent the defendant from operating, production, processing or any other form at the defendant's factory in Klang, Selangor. The defendant's factory which was established pursuant to the Companies Act 1965, operated in the business of production of reclaimed rubber, which among others, dealt with the processing of used tyres, rubber waste and rubber gloves. The factory had caused inconvenience such as bad smell, air and noise polution to the people in the surrounding. The plaintiff contended that effective from 1 January 2005 the defendant's license to carry on the business was not renewed. However, the plaintiff had noticed that the defendant was still operating the factory illegally and this was affirmed by the defendant. Up to the date of the filing of the writ of summons together with the statement of claim in this court on 5 July 2005, the defendant was still operating the factory, and this had caused pollution to the surrounding area and the same had been reported in the local media. In furtherance of the complaint, the plaintiff had received a directive from the office of the State Secretary of Selangor for further actions. Pursuant to this, the plaintiff hereby makes an application for an injunction to prevent the defendant from continuing its operation at the said factory.

Held, plaintiff's application allowed with cost:

(1) Even though the defendant's business license had been cancelled since in early

2005, till to date, the defendant is still carrying on operation in the factory illegally. This clearly reflects the defendant's attitude of defying laws without fear and in total disrespect of the Malaysian laws. The plaintiff agreed that its various actions did not prevent the defendant from operating illegally (lihat perenggan 8).

(2) The defendant's attitude of defying the rules and the laws by continuing the operation of the factory ought to be controlled and stopped, as this will be seen as a message and reminder that the laws of the country must be obeyed. In this case, the court is of the view that an injunction is necessary given the fact that the defendant had blatantly disregarded the existing laws and rules (lihat perenggan 14).

(3) In considering the granting of an injunction and upon reference to the balance of convenience of this case, I would stress that public interest must be emphasised in this application. It is trite law that if there is risk or harm to public interest, an injunction ought to be considered positively (lihat perenggan 17).

(4) An order of injunction to prevent the defendant from continuing the operation of his factory is absolutely necessary, since the operation of the defendant's factory had caused air pollution and produced bad smell which is affecting the people in the surrounding area and the same had been reported in the media, for some time (lihat perenggan 19).

(5) If the injunction were declined, the safety and interest of the people in the surrounding area would be unprotected and the pollution will continue from the operation of the defendant's factory. In light of the principle of justice and balance of convenience, the status quo of the people in the surrounding area must be maintained and protected from air and noise pollution in the effected areas (lihat perenggan 21).]

Nota-nota

Untuk kes-kes bagi undang-undang alam sekitar, lihat 6 (4th Ed, 2004 Reissue) paras 2266–2269.

Untuk kes bagi permohonan injuksi, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed) Consolidated Subject Index para 2684.

Kes-kes yang dirujuk

American Cyanamid v Ethicon Ltd [1975] AC 396 (dirujuk)

Ong Siew Hong v The Gaik Cheng [1997] 5 MLJ 372 (dirujuk)

Keet Gerald Francis Noel John v Mohd Noor bin Abdullah & Ors [1995] 1 MLJ 193 (dirujuk)

Vethanayagam v Karrupiah & Ors [1968] 1 MLJ 283 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Spesifik Relif 1973 ss 50, 51

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 29 k 1(1)

Johar Othman (Mazlan, Sengari & Co) bagi pihak plaintif.

C Natarajah (CN Rajan & Co) bagi pihak defendan.

Suriyadi H:

[1] Plaintif adalah pihak berkuasa tempatan daerah Klang yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 170). Defendan pula adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan pada 16 April 1987 di bawah Akta Syarikat 1965 dan ianya sebuah kilang (kilang tersebut) yang menjalankan perniagaan mengeluarkan 'reclaimed rubber' antara lain memproses tayar-tayar terpakai, bahan-bahan buangan getah dan sarung tangan getah. Defendan telah dibekalkan dengan lesen pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia pada 15 October 1987 (eksh lesen pengilang di MC-1, lamp 7). Manakala lesen perniagaan defendan telah diluluskan dari tarikh mula perniagaan pada 13 December 1989 eksibit lesen perniagaan di MC-2, lampiran 7). Kilang defendan ini terletak di bawah bidang kuasa plaintif selaku pihak berkuasa tempatan (PBT) tempat terbabit. Di dalam tindakan ini, plaintif memohon kepada mahkamah suatu perintah untuk satu injunksi untuk menyekat dan/atau melarang defendan melalui diri sendiri, pekerja-pekerjanya, ejen-ejennya atau dalam apa bentuk pun daripada menjalankan kegiatan operasi, pengeluaran, memproses, menghasilkan, mengeluarkan atau dalam apa bentuk sekalipun di premis kilang defendan di Lot 4, Batu 7, Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor.

[2] Rentetan daripada aduan-aduan yang plaintif terima sejak tahun 1995, maka planitif mengambil tindakan ini terhadap defendan. Aduan adalah tentang operasi syarikat defendan yang mendatangkan masalah kepada penduduk sekitar seperti gangguan bau busuk, asap dan bunyi bising dari kilang tersebut. Oleh yang demikian, plaintif telah mengambil keputusan untuk tidak memperbaharui lesen perniagaan defendan. Namun, terdapat rayuan daripada beberapa pihak (bukan penduduk setempat) dan lesen defendan telah diperbaharui secara bersyarat yang mana defendan diminta mengurangkan pencemaran serta diminta berpindah ke lokasi lain yang lebih sesuai sebelum tahun 2000. Plaintif telah meluluskan lessen defendan bagi tahun 1999 pada 11 Ogos 1999 dan tamat tempoh tamatnya pada 31 Disember 1999. Apabila operasi syarikat defendan terus mendatangkan masalah pencemaran kepada penduduk setempat serta kedudukan kilang yang membahayakan dan gagal berpindah seperti yang defendan janjikan, maka plaintif telah terus membatalkan lesen defendan untuk tahun 2002.

[3] Walau bagaimanapun, lesen ini telah dan masih diperbaharui setiap tahun sehinggalah 13 Disember 2004. Plaintif menyatakan bahawa bermula 1 Januari 2005 defendan tidak memperbaharui lesen perniagaannya. Ini turut diakui oleh defendan sendiri dan sememangnya tidak terdapat sebarang kebenaran sama ada yang tersurat mahupun tersirat daripada pihak yang berkuasa. Lantaran itu, plaintif memohon agar defendan dihalang meneruskan operasi di kilangnya.

[4] Walaupun tidak lagi mempunyai lesen perniagaan, plaintif mendapati kilang defendan masih lagi beroperasi dan ianya secara haram. Justeru itu, plaintif telah mengambil beberapa tindakan di mahkamah majistret Klang melalui tindakan M3–87–1480–04 di mana defendan telah dikenakan denda RM 1,000. Sehingga pemfailan writ saman dan pernyataan tuntutan ini di Mahkamah Tinggi Shah Alam

pada 5 Julai 2005, defendan masih lagi menjalankan operasi di kilang mereka yang terus mendatangkan masalah pencemaran kepada penduduk sekitar sehingga ianya dilaporkan di dalam akhbar tempatan. Rentetan dari itu, plaintif telah mendapatkan arahan tindakan lanjut dari pejabat setiausaha kerajaan negeri Selangor (NA-3, lampiran 4).

[5] Melalui writ saman bertarikh 5 Julai 2005, plaintif antara lain memohon relif-relif berikut:

(1) satu injunksi untuk menyekat dan/atau melarang defendan melalui diri sendiri, pekerja-pekerjanya, ejen-ejennya atau dalam apa bentuk pun daripada menjalankan kegiatan operasi, pengeluaran, memproses, menghasilkan, mengeluarkan atau dalam apa bentuk sekalipun di premis kilang defendan di Lot 4, Batu 7, Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor;

(2) gantirugi;

(3) kos tindakan ini; dan

(4) apa-apa perintah selanjutnya yang difikirkan sesuai dan manafaat oleh mahkamah yang mulia ini.

[6] Dalam masa yang sama, melalui perakuan segera, plaintif telah memfailkan saman dalam kamar (lampiran 3) bertarikh 6 Julai 2005 untuk memohon satu injunksi interim seperti relif-relif yang dipohon di dalam writ samannya.

[7] Setelah meneliti afidavit sokongan, plaintif telah menyatakan bahawa kilang defendan mendatangkan masalah kepada penduduk setempat dengan gangguan bau busuk, asap dan bunyi bising. Oleh yang demikian lesen perniagaan defendan telah tidak diperbaharui. Plaintif juga melampirkan surat dari pejabat setiausaha kerajaan negeri Selangor bertarikh 7 Mac 2005 dan keratan akhbar sebagai bukti (NA-2) berlakunya pencemaran. Walau bagaimanapun, defendan melalui afidavit jawapannya telah mengemukakan laporan pengawalan pencemaran dan sijil ujian oleh Gadark Lab sebagai bukti (MC-3, lampiran 7). Melalui ujian ini tahap pencemaran kilang tersebut masih di tahap yang dibenarkan di bawah 'European Standard' dan defendan turut dimaklumkan bahawa negara kita tiada kaedah mengukur paras pencemaran. Menurut defendan, plaintif telahpun mengambil tindakan di bawah s 3 (1) Undang-undang Kecil Perlesenan, Tred Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Klang) 1987 di mahkamah majistret Klang. Oleh kerana plaintif mempunyai undang-undang spesifik tersebut, maka adalah tidak wajar plaintif memohon injunksi di Mahkamah Tinggi ini.

[8] Adalah jelas bahawa tindakan plaintif di hadapan saya adalah untuk mendapatkan perintah inter parte injunksi menahan defendan dari menjalankan operasi haram mereka. Seperti yang diakui oleh defendan, bahawa dia tidak lagi memperbaharui lesen perniagaannya sejak 1 Januari 2005 sehingga kini. Saya berpendapat permohonan di hadapan saya ini perlu didengar secara inter parte supaya pihak defendan diberi peluang untuk berhujah.

[9] Saya menggunapakai garis panduan dan meneliti prinsip-prinsip seperti berikut sebelum membenarkan sebarang perintah interim injunksi:

(i) plaintif seharusnya membuktikan bahawa ada soalan yang serius untuk dibicarakan (serius question to be tried);

(ii) plaintif seharusnya membentangkan semua fakta-fakta kes (full and frank disclosure); dan

(iii) injunksi adalah satu remedi ekuiti.

[10] Sebelum saya berbicara lebih lanjut, saya perturunkan peruntukan undang-undang bagi maksud permohonan ini. Kuasa mahkamah untuk membenarkan sama ada injunksi interim atau kekal adalah diperuntukkan di bawah ss 50 dan 51 Specific Relief Act 1973. Seksyen 50 memperuntukkan:

> Preventive relief is granted at the discretion of the court by injunction, temporary or perpetual.

[11] Dalam saya mempertimbangkan sama ada satu perintah injunksi interim harus diberikan, saya telah merujuk kepada s 51(1) Specific Relief Act 1973 inter alia:

> Temporary injunction is such as are to continue until a specified time, or until further order of the Court. They may be granted at any period of the suit and are regulated by law of civil procedures.

[12] Seksyen 51(1) Specific Relief Act 1973 ini mesti dibaca bersama A 29 k 1(1) KMT 1980.

> An application for the grant of an injunction may be made by any party to a cause or matter before or after the trial of the cause or matter, whether or not a claim for injunction was included in that party's merit, originating summons, counterclaim or third party notice as the case may be.

[13] Melalui pengamatan saya, plaintif telah mematuhi peruntukan undang-undang sedia ada ini. Selain itu, saya perlu mempertimbangkan dua prinsip ini sebelum saya memberikan sebarang perintah injunksi, antara lain:

(i) injunksi interim atau injunksi mandatori hanya boleh diberikan sebelum perbicaraan dalam kes-kes yang istimewa dan jarang diberikan; dan

(ii) mahkamah dibenarkan memberi injunksi interlokutori walaupun ini bermakna seluruh relif telah diberikan dengan memberi pertimbangan imbangan kemudahan (lihat *Ong Siew Hong v The Gaik Cheng* [1997] 5 MLJ 372).

[14] Berdasarkan fakta kes ini, adalah jelas bahawa ia termasuk di dalam kes-kes khas dan asing yang memerlukan injunksi interim diberikan. Saya berpendapat bahawa injunksi ini adalah perlu memandangkan kedegilan defendan mematuhi undang-undang dan peraturan sedia ada. Apa yang memeranjatkan saya, walaupun

lesen perniagaan defendan pernah dibatalkan sejak tahun 2000, namun sehingga kini setelah lima tahun defendan masih menjalankan operasi kilang mereka secara haram. Ini jelas menunjukkan sikap angkuh defendan yang melanggar undang-undang tanpa perasaan takut dan hormat terhadap perundangan Malaysia. Apa yang lebih utama di sini, operasi haram defendan ini mendatangkan masalah kepada penduduk sekitar apabila mengeluarkan bau busuk serta pencemaran udara yang mengganggu kesihatan penduduk setempat sehingga ianya dilaporkan di dalam akhbar tempatan. Perkara ini juga telah dibawa kepada perhatian pejabat setiausaha kerajaan negeri Selangor. Plaintif mengakui telah menjalankan pelbagai usaha untuk menghentikan operasi haram defendan tetapi gagal dan berharap agar permohonann ini adalah satu-satunya tindakan yang boleh menghentikan dan memastikan defendan mematuhi peraturan undang-undang negara ini.

[15] Saya berpendapat bahawa defendan tidak mempunyai alasan dan pembelaan lagi bagi meneruskan operasi perniagaan mereka kerana ianya dijalankan secara haram dan mendatangkan kemudaratan kepada penduduk setempat. Saya tidak dapat menerima alasan defendan bahawa operasi mereka adalah sementara, kerana mereka berjanji akan berpindah. Alasan ini bukanlah alasan yang baru kerana semenjak Mac 1998 lagi defendan telah berjanji akan berpindah ke tapak kilang yang baru melalui surat defendan kepada plaintif yang beitarikh 17 Mac 1998 (NA-4, lampiran 8). Defendan turut memperakui melalui afidavitnya bahawa defendan sedang berurusan untuk memindahkan tapak kilangnya ke tapak yang baru di Ijok, Selangor melalui suratnya kepada plaintif yang bertarikh 28 Mac 2004 dan 24 Disember 2004 (MC-4, lampiran 7). Pembelaan defendan (sekiranya ada) dan kenyataan defendan (averments) di dalam afidavit-afidavit balasannya tidak mengandungi merit dan seolah-olah bertujuan untuk melengahkan prosiding ini, oleh itu saya katakan bahawa tiada isu-isu yang perlu dibicarakan.

[16] Saya sedia maklum bahawa di dalam memberikan perintah injunksi, ini merupakan budi bicara (discretionary) mahkamah dan perlu berpandukan kepada fakta kes, prinsip ekuiti, garis panduan dan peruntukan undang-undang yang telah sedia ada (*Vethanayagam v Karrupiah & Ors* [1968] 1 MLJ 283 dan *Keet Gerald Francis Noel John v Mohd Noor bin Abdullah & Ors* [1995] 1 MLJ 193 dirujuk). Prosedur pertimbangan samada sesuatu injunksi interlokutori patut dibenarkan atau tidak, telahpun diputuskan di dalam kes *American Cyanamid v Ethicon Ltd* [1975] AC 396 dan telah diikuti di dalam banyak kes-kes di Malaysia terutamanya kes *Keet Gerald Francis Noel John v Mohd Noor bin Abdullah* (supra), di mana Mahkamah Rayuan telah menggariskan proses mempertimbangkan permohonan injunksi interim (interlokutori) adalah seperti berikut:

(i) mesti terdapat satu isu serius yang bona fide perlu dibicarakan;

(ii) menimbangkan di mana letaknya keadilan dalam kes itu setelah mengambil kira semua hal yang relevan terutamanya imbangan kesenangan;

(iii) hendaklah sedar bahawa injunksi adalah satu remedi budibicara di maksudkan untuk memelihara status quo sementara menunggu perbicaraan, oleh itu perlu mengambil kira kuasa budibicaranya.

[17] Dalam saya untuk menimbangkan alasan untuk memberi perintah injunksi dan setelah berpandukan imbangan kesesuaian (balance of convenience) di dalam kes ini, saya lebih menitikberatkan faktor kepentingan awam. Oleh itu, soal mengenai kepentingan awam (public interest) patut dipertimbangkan dan diutamakan di dalam permohonan ini. Gopal Sri Ram JCA, di dalam kes *Keet Gerald Francis Noel John v Mohd Noor bin Abdullah & Ors* [1995] 1 MLJ 193 pernah dinyatakan:

> any question going to the public interest may, and in appropriate cases should be taken into account.

[18] Sehubungan dengan itu, saya ingin menarik kepada pengamatan Mohd Noor Ahmad H, dalam kes *Anwar bin Ibrahim v Abdul Khalid @ Khalid Jafri bin Bakar Shah* [1998] 6 MLJ 365 di mana beliau pernah berkata bahawa:

> Kepentingan awam adalah relevan untuk pertimbangan imbangan kesesuaian (balance of convenience). Mahkamah tidak boleh mengabaikan alam sekelilingnya andainya keadilan sebenar dan yang bermakna hendak dicapai. Mahkamah mestilah, dalam batasan undang-undang melengkapi dan menambah aspirasi kebangsaan yang terletak di dalam liputan kepentingan awam dan menentang apa sahaja yang menghalangnya (*Tenaga Nasional Berhad v Dolomite Industrial Park Sdn Bhd* [2000] 1 CLJ 695 dirujuk).

[19] Di sini kepentingan dan kesejahteraan awam perlu dititikberatkan dan diutamakan. *Prohibitory injunction* atau perintah injunksi untuk menghalang defendan daripada meneruskan operasi di kilangnya amatlah perlu memandangkan operasi kilang defendan mendatangkan pencemaran udara dan mengeluarkan bau busuk yang menjejaskan persekitaran penduduk setempat. Adalah menjadi undang-undang mantap (it is a trite law) bahawa jika terdapat risiko atau kemudaratan terhadap kepentingan awam, maka perintah injunksi perlu dipertimbangkan secara positif.

[20] Saya juga mendapati bahawa defendan cuba mencabar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan tidak mempedulikan undang-undang sedia ada. Defendan telah didakwa di mahkamah majistret klang, namun ini tidak menjejaskan defendan meneruskan operasi di kilangnya kerana denda yang dikenakan adalah kecil dan defendan berkemampuan untuk membayarnya. Sikap defendan yang tidak mempedulikan undang-undang dan peraturan dengan terus beroperasi di kilangnya haruslah dibendung dan dihalang sebagai satu mesej dan peringatan bahawa undang-undang negara ini haruslah dipatuhi. Operasi kilang defendan telah mendatangkan masalah dan kemarahan penduduk setempat sehingga beberapa kali disiarkan di dalam akhbar tempatan. Adalah nyata dari peristiwa-peristiwa di atas bahawa kegiatan dan operasi defendan boleh ditegah oleh perintah mahkamah.

[21] Seterusnya, sebelum saya membenarkan perintah injunksi ini, saya telah mempertimbangkan kedudukan kedua-dua pihak. Saya berpendapat bahawa perintah injunksi ini tidak menjejaskan defendan kerana defendan sendiri telah menyatakan di dalam afidavitnya (lampiran 7) yang defendan dalam usaha untuk berpindah ke tapak kilang yang baru. Dan dengan adanya perintah injunksi ini akan mempercepatkan proses dan urusan pemindahan kilang defendan dengan pihak-pihak tertentu. Sebaliknya jika injunksi tidak dibenarkan, keselamatan dan

kepentingan penduduk setempat tidak terjamin dan terus diganggu dengan pencemaran yang datang dari operasi kilang defendan. Berpandukan prinsip keadilan dan imbangan kesesuaian, status quo penduduk setempat harus dikekalkan dan dititikberatkan seperti mana tidak berlakunya pencemaran bau dan bunyi bising di kawasan terbabit.

[22] Berdasarkan alasan dan pertimbangan di atas, saya berpendapat melalui prinsip imbangan kesenangan atau imbangan keadilan, perintah injunksi seperti yang dipohon merupakan satu remedi yang sesuai dalam kes ini. Oleh itu, permohonan plaintif di dalam saman dalam kamar (lampiran 3) dibenarkan dengan kos. Permohonan penangguhan oleh defendan tidak dibenarkan.

Permohonan plaintif dibenarkan dengan kos.

Reported by Ashgar Ali Ali Mohamed